



SEPANJANG hayatnya, Azizan (dua dari kiri) seorang yang begitu berdedikasi dengan segala hal ehwal bidang tugas yang diamanahkan kepadanya termasuk penglibatan Petronas dalam perlumbaan Formula 1.



AZIZAN (kanan) dalam mesyuarat pertama Majlis Keselamatan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak pada 13 Mei, 1971.



JAMUAN makan terakhir yang dihadiri oleh Azizan bersama Dr. Mahathir ketika meraikan hari lahir bekas Perdana Menteri itu dua hari sebelum Allahyarham meninggal dunia.

# Azizan dari kaca mata Dr. M

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

**" Apabila ada masalah pentadbiran atau pengurusan yang rumit, kita akan cari dia untuk tadbir walaupun kadangkang untuk sementara sahaja, selepas itu kita serah kepada orang lain "**



**L**SNIN lalu, sewaktu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah menyambut hari lahir yang ke-79, Tan Sri Azizan Zainul Abidin selaku Pengerusi Yayasan Kepimpinan Perdana adalah antara kenamaan yang hadir meraikannya.

Beliau duduk di sebelah Dr. Mahathir, makan sama-sama malah mengikut pemerhatian bekae Perdana Menteri 'makan agak banyak'.

Disebabkan itu Dr. Mahathir benar-benar tidak menyangka bahkan aeolah tidak percaya apabila mendengar berita yang diterima oleh Dr. Siti Hasmah menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) awal pagi Eabu Iplu, tentang permergian mengejut Allahyarham.

"Saya agak terkejut kerana dua hari sebelum itu Tan Sri Azizan duduk sebelah saya makan sama-sama di bangunan inilah (Yayasan). Masa itu dia nampak sihat walaupun saya lihat muka dia kembang sikit dan memerah.

"Dia makan banyak, jadi saya tidak menjangka dia akan meninggal dua hari selepas itu. Sebab itu saya amat terkejut," katanya kepada *Mingguan Malaysia* dalam pertemuan ringkas di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana pada Jumaat lalu.

Bagi Dr. Mahathir, Allahyarham yang dikenalnya sejak zaman Tun Hussein Onn masih meryadi Perdana Menteri lagi merupakan seorang yang sangat tulus dan jujur (*very upright man*).

Apabila Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, Azizan adalah Ketua Setiausaha Sulit beliau.

Allahyarham kemudiannya dipindahkan ke Kementerian Dalam Negeri pada 1985. Pada tahun 1987, Dr. Mahathir

hathir, "ia merupakan kementerian yang memerlukan seorang Ketua Setiausaha (KSU) yang cekap dan tegas dan saya dapat bekeija bersama dia dengan baik,"

Berpegang kepada keyakinan tinggi terhadap Azizan, Dr. Mahathir kemudian melantik beliau menjadi Presiden Petroleum Nasional Bhd. (Petronas) pada 10 Februari 1988.

"Semasa itu pun nampak dia berkebolehan dalam bidang pemiagaan dan dia sentiasa mengikut cara-cara bekerja dengan memberi laporan yang lengkap kepada saya tentang prestasi Petronas sehingga semakin maju walaupun pada masa itu (Petronas) belum ke luar negara," katanya.

Prestasi Azizan yang memberangsangkan ditambah dengan kejujuran beliau terhadap kerja mendorong Dr. Mahathir untuk terus meletakkan kepercayaan kepadanya untuk menerajui syarikat

nasional itu.

Azizan dilantik menjadi Pengerusi Petronas pada 1 Februari 2000, manakala tempatnya sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif digantikan oleh Tan Sri Hassan Merican.

Sebagai Pnsasihat Petronas, Dr. Mahathir mengakui sehingga kini beliau tidak terfikir siapakah yang akan menggantikan tempat Allahyarham. Dalam hal ini, beliau menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menggunakan kuasa mutlaknya menamakan pengganti Azizan.

Semasa hayatnya, Allahyarham merupakan peneraju syarikat-syarikat kepentingan kerajaan iaitu selain Petronas antaranya menjadi Pengerusi Malaysia Airlines Berhad dan Presiden Perbadanan Putrajaya.

Bagi Dr. Mahathir perkara itu berlaku

secara semula jadi kerana, "apabila ada sesuatu yang hendak diuruskan dengan baik, kita (kerajaan) selalu terfikir tentang pelantikan Azizan."

"Apabila ada masalah pentadbiran atau pengurusan yang rumit, kita akan cari dia untuk tadbir walaupun kadangkang untuk sementara sahaja sehingga dia selesai susunkan semula, selepas itu kita serah kepada orang lain," kata Dr. Mahathir.

Disebabkan itu apabila kerajaan hendak membangunkan pusat pentadbiran kerajaan di Putrajaya, beliau memberitahu nama Azizan yang timbul kerana beliau memang diyakini dapat menguruskannya dengan baik.

Memandangkan pembangunan Putrajaya melibatkan banyak perincian tentang kewangan dan pembangunan yang rumit dan memerlukan seorang pentadbir dan pengurus yang cekap serta *straight forward*, tugas untuk mengurus soal pembiayaan kewangan dan pembangunan diserahkan kepada Azizan.

Bagi Dr. Mahathir, pembangunan Putrajaya boleh dikatakan kemuncak pencapaian kerjaya Azizan.

"Inilah tugas yang beliau nampak begitu *dedicated* sekali, bentuk Putrajaya ini pun banyak bergantung kepada pendapat Azizan dan pelaksanaannya, apa juga reka bentuk yang unik bagi Putrajaya ini dihasilkan oleh beliau.

"Dia telah membuat perancangan yang cukup lengkap termasuk juga kubur bagi penduduk di sini dan sebab itu, amat kena sekai beliau dikebunikan di Putrajaya kerana inilah tempat yang dikaitkan begitu rapat dengan Azizan," katanya dalam nada sebak.

Sebagai seorang yang jujur dalam kerjaya baik semasa menjadi pegawai kerajaan mahupun setelah meryadi tokoh korporat, Dr. Mahathir menarik perhatian tidak hairanlah Azizan terhindar daripada dilemparkan dengan tuduhan-tuduhan rasuah.

"Dia meryalankan tugas tanpa takut atau 'pilih bulu'. Kalau benar sesuatu itu nampaklah oleh orang, dia jadi KSU se-

ya pun dia bagi tahu saya dan dia tidak segan-segan untuk menegur dan kalau keputusan telah dibuat, dia akan menjalankan tugasnya dengan penuh deikasi," ujarnya.

Azizan pada pandangan Dr. Mahathir adalah seorang yang amat setia, bukar sahaja kepada negara malah terhadaf kerjayanya dan kerajaan serta sesiapa juga yang bekejasama dengannya termasuk behau sendiri.

"Walaupun kesetiaan dia kepada saya itu agak tinggi, dia tidak segan-segat pula untuk menegur jika benda itu tak kena dan saya banyak bergantung kepada pendapatnya.

"Selain menjadi pegawai saya, says anggap dia sebagai kawan, bahkan kawan kepada keluarga. Saya rapat dengan dia," ujar Dr. Mahathir tentang seorang tokoh berkaliber yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Bagi Dr. Mahathir, kedudukan Allahyarham sebagai Pengerusi Yayasan Kepimpinan Perdana, iaitu tugas terkini yang beliau jawat, dilihat paling cocok dan amat sesuai sekali kerana Azizan telah berkhidmat secara langsung dengan tiga Perdana Menteri iaitu Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan beliau sendiri.

Yayasan Kepimpinan Perdana adalah antara idea yang direalisasikan oleh Azizan sebagai memperingati semua bekas Perdana Menteri.

Bagi Dr. Mahathir, pembangunan Putrajaya kini sudah lengkap kerana walaupun cuma asas-asasnya, pembangunan utama sudah siap dibina dan segala perancangan sudah dibuat secara menyeluruh di bawah pentadbiran Azizan.

"Sebelum dia meninggal, saya fiktr dia berpuas hati kerana ternampak jelas inilah 'Bandar Putrajaya' yang kami rancang bersama dan direalisasikan olehnya," kata Dr. Mahathir menutup perbualan tentang seorang tokoh yang akan terus dikenang kerana ketulusan dan dedikasinya menyumbang untuk pemodenan Malaysia.